PBD Sejarah T.3 Bab 8.3 Usaha Pembesar Melayu Dalam Pemodenan Negeri

Nama : Kelas : Tarikh :

Padan-memadankan gambar tokoh dengan penyataan untuk mewajarkan sumbangan pembesar Melayu berkaitan dalam pemodenan negeri-negeri Melayu.

| Pembesar Melayu | Usaha Pemodenan Negeri Melayu |
| --- | --- |
| 1.  Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), | A. * membawa kemajuan di Larut,Perak<br>* memperkenalkan negeri Melayu dipasaran dunia sebagai pengeluar utama bijih timah.<br>* menggalakan pusat pengajian agama<br>* membina sekolah Melayu Matang (1826) untuk memberi pendidikan anak tempatan. |
| 2.  Dato Muhammad Ibrahim Munsyi, bergelar Dato' Bentara Dalam, Ketua Jabatan Pelajaran Johor yang pertama (1883). Beliau digelar "Bapa Pendidikan Melayu Johor". | B. * Ketua anak negeri yang membantu Pegawai Daerah dalam hal pentadbiran ( menjaga keamanan , mengutip cukai , hal pembahagian tanah, memajukan pertanian )<br>* menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri yang mengendalikan kes berkaitan dengan hukum adat dan syariah. |
| 3.  Haji Mohammad Arshad, Ketua Anak Negeri semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British. | C. * dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan.<br>* menuntut pembentukan Rejimen Askar Melayu untuk menjaga keselamatan bangsa.<br>* mendesak British membuka lebih banyak peluang dalam perkhidmatan awam kepada orang Melayu. |
| 4.  Dato' Abdullah Haji Dahan, Undang Luak Rembau ke-18 (1922-1938).  Raja Chulan, Raja Di Hilir Perak (1920-1933). | D. * menggalakkan pendidikan moden melalui penubuhan Jabatan Pelajaran ( 1883) dan sekolah-sekolah di Johor.<br>* membentuk Jawatankuasa Pelajaran Negeri yang terdiri daripada tokoh birikrat , agama dan masyarakat.<br>* mendesak diwartakan pendidikan wajib kepada kanak-kanak di Johor. |
| 5.  POTRET: LONG JAAFAR | E. * melukis peta lengkap pertama bagi Johor dan ia memudahkan pembangunan pertanian ,perbandaran dan sistem perhubungan .<br>* pengasas pembukaan Bandar Maharani ( Muar ), Endau dan Bandar Penggaram ( Batu Pahat ). |

LIVEWORKSHEETS

| Pembesar Melayu | Usaha Pemodenan Negeri Melayu |
|---|---|
| 6.  Tengku Menteri Ngah Ibrahim | F. * mengawal hubungan Johor dengan British , bijak dalam diplomasi<br>* berjaya mematahkan usaha peluasan kuasa British dengan kebijaksanaannya.<br>* perintis penubuhan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888) yang merupakan badan persuratan terulung ketika itu. |
| 7.  Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi (1877-1939). | G. * digelar sebagai “ Tokoh Pembangunan Kedah”kerana mencetuskan idea membina terusan yang bermula dari Alor Setar ke Gunung Jerai, Gurun.<br>* Terusan tersebut dinamakan “ Terusan Wan Muhammad Saman” |
| 8. Dato' Abdul Rahman bin Andak, Setiausaha Sulit Sultan (1885), Setiausaha Kerajaan Johor (1893-1909) bergelar Dato' Seri Amar Diraja.  | H. *menemui Sultan Abu Bakar Johor untuk mempelajari sistem pentadbiran moden agar memaju daerah Larut. |
| 9.  Wan Muhammad Saman Perdana Menteri Kedah (1870-1898). | I. * mengarahkan bendera British, Jack Union dikibarkan lebih rendah daripada bendera negeri Johor.<br>* memartabatkan bahasa Melayu dengan menetapkan penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan surat rasmi kerajaan.<br>* mewajibkan pegawai British di kerajaan Johor memakai pakaian rasmi kerajaan Johor<br>* usaha berkenaan telah mempertahankan kedaulatan negeri |
| 10.  Dato' Jaafar bin Muhammad | J. * menguruskan hal ehwal umat Islam di Sarawak.<br>* memulakan pengajian Islam formal melalui penubuhan Madrasah al- Murshidiyyah (Kuching)pada awal abad ke -20<br>* menubuhkan sekolah agama khas untuk kaum wanita ( Sekolah Kajang )<br>* pengasas Majlis Syuyukh Islam yang kemudian dikenali sebagai Majlis Islam Sarawak. |

LIVEWORKSHEETS